

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	8 APRIL 2015

Dr Mahathir diajak berbincang

BH - 8/4/2015

Kuala Terengganu: Semua Ketua UMNO bahagian di seluruh negara merancang menjemput Tun Dr Mahathir Mohamad untuk berbincang bagi menyelesaikan pelbagai isu dibangkitkan oleh bekas Perdana Menteri itu terutama mengenai pentadbiran Datuk Seri Najib Razak.

Menteri Besar, Datuk Ahmad Razif Abd Rahman, berkata melalui pertemuan itu, kepimpinan UMNO berharap dapat berbincang secara bersemuka dengan Dr Mahathir.

"Hasrat ini dinyatakan oleh semua Ketua UMNO bahagian secara sebulat suara dan mereka mahu isu berkaitan dengan kepimpinan Perdana Menteri diselesaikan dengan

cara yang baik.

Secepat mungkin

"Kami berharap pertemuan ini dapat diadakan secepat mungkin bagi memastikan isu yang dibangkitkan tidak dimanipulasi oleh pembangkang," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Program Latihan Untuk Pengarah Kumpulan Syarikat Terengganu Incorporated Sdn Bhd (TISB) di sini, semalam.

Sementara itu, Ahmad Razif meminta ahli dan pucuk pemimpin UMNO terutama pada peringkat akar umbi bersatu dan terus memberi sokongan kepada Najib untuk menerajui kepimpinan negara.

Katanya, kepimpinan kerajaan negeri serta Badan Per-

hubungan UMNO dan Barisan Nasional (BN) Terengganu berdiri teguh bersama Najib, selain yakin pelbagai isu dibangkitkan mampu ditangani menggunakan konsep solidariti.

"Ahli UMNO perlu bersatu dan terus memberi sokongan kepada Najib menghadapi pelbagai isu dan masalah," katanya.

Laksana pelbagai agenda

Ahmad Razif yang juga Pengerusi BN negeri, berkata Najib diberi peluang untuk melaksanakan pelbagai agenda pembangunan negara.

"Kita sedia maklum, ketika Najib diberi tanggungjawab lebih enam tahun lalu, kerajaan tidak sekuat seperti zaman Dr Mahathir. Pelbagai cabaran

terpaksa dihadapi Najib terutama tekanan ekonomi yang tidak menentu.

"Dr Mahathir dalam tempoh lima tahun selepas diberi tanggungjawab sebagai Perdana Menteri pun pernah mengalami pelbagai isu dan turut berdepan dengan hentaman serta tekanan pelbagai pihak, termasuk dicabar Tengku Razaleigh Hamzah pada pemilihan UMNO 1987 sehingga parti dibatalkan," katanya.

Bagaimanapun, katanya, dengan sokongan pucuk pimpinan UMNO serta ahli pada peringkat akar umbi ketika itu, Dr Mahathir mampu mengharungi pelbagai isu dan berjaya meneruskan pemerintahan negara selama 22 tahun dengan cemerlang.